



Keselesaan rakyat bandar keutamaan KPKT

- Baik pulih pelbagai kemudahan
- Aduan penduduk didengar
- Faktor keselamatan dipertingkatkan

muka 2

Peruntukan
bagi
perumahan
strata kos
rendah



*Kediaman lebih selesa
untuk penghuni*

muka 3



Jawatankuasa khas siasat penipuan skim perumahan mampu milik

muka 4

Aduan penduduk Kota Damansara diambil tindakan

muka 5





SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

YBhg. Datuk Haji Mohammad Mentek

Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

KETUA EDITOR

Norhayati Abd. Manaf

Ketua Unit Komunikasi Korporat

PENOLONG KETUA EDITOR

Rosyila Abdul Latif

Pegawai Perhubungan Awam

Siti Mariani Ayob

Pegawai Perhubungan Awam

Nazirul Ikram Sirozi

Pegawai Komunikasi Strategik

Nadhilah Shariffuddin

Penolong Pegawai Perhubungan Awam

SIDANG PENGARANG

- Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
- Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia
- Jabatan Perumahan Negara
- Jabatan Kerajaan Tempatan
- Jabatan Landskap Negara
- Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara
- Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp)
- Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata
- Institut Latihan Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan
- Bahagian Undang-undang
- Bahagian Dasar dan Inspektorat
- Bahagian Kewangan dan Perolehan
- Bahagian Akaun
- Bahagian Pembangunan dan Pelaksanaan Projek
- Bahagian Khidmat Pengurusan
- Bahagian Keurusetiaan Strategik dan Hubungan Antarabangsa
- Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai
- Bahagian Kesejahteraan Bandar
- Bahagian Perkhidmatan Perbandaran
- Bahagian Sumber Manusia
- Bahagian Teknologi Maklumat
- Unit Audit Dalam
- Unit KPI
- Unit Integriti

PENERBIT

Unit Komunikasi Korporat



Tan Sri Noh bin Haji Omar berbincang dengan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Dato' Sri Muhammad Safian bin Ismail (tiga dari kanan) tentang lawatan kerja beliau di Perumahan Rakyat Kampung Pak Mahat.

KEMENTERIAN Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) meluluskan peruntukan sebanyak RM5 juta bagi kerja-kerja menaik taraf dan menyelenggara pelbagai infrastruktur termasuk tangki air di Perumahan Rakyat Kampung Pak Mahat di Kuantan, Pahang.

Menterinya, Tan Sri Noh bin Haji Omar berkata, peruntukan tersebut menzahirkan keprihatinan kerajaan Persekutuan terhadap kesejahteraan penduduk di kawasan perumahan berkenaan.

Menurut beliau, daripada jumlah tersebut, sebanyak RM2.4 juta diperuntukkan untuk mengubah kedudukan tangki air sedia ada yang terletak di tingkat atas rumah pangsa setinggi sembilan tingkat itu.

“Setelah mengambil kira kepentingan penduduk rumah pangsa berkenaan dan masyarakat sekitar, kita akan mengalihkan tangki air berkapasiti 40 tan itu ke kawasan yang lebih selamat,” katanya selepas mengadakan lawatan kerja ke Perumahan Rakyat Pak Mahat baru-baru ini.

Yang turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Industri dan Asas Tani Pahang, Dato' Haji Shafik Fauzan bin Sharif; Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Perbandaran Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail dan Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang, Dato' Sri Muhammad Safian bin Ismail.

Menurut Noh, lawatan kerja itu merupakan yang ketiga di Pahang dalam siri jelajah beliau untuk melihat sendiri aspek kesejahteraan penduduk perumahan strata kos rendah di seluruh negara.

“Saya ke Pulau Pinang sebelum ini dan lawatan ke Perumahan Rakyat Kampung Pak Mahat ini merupakan kunjungan kedua saya. Selain itu, saya juga melawat rumah pangsa lima tingkat di Cameron Highlands.

“Melalui kunjungan seperti ini saya mahu melihat sendiri kesejahteraan penghuni dan mendengar serta cuba menyelesaikan masalah yang disuarakan mereka,”



Tan Sri Noh bin Haji Omar melihat keadaan lif di salah satu blok kediaman ketika mengadakan lawatan kerja di Perumahan Rakyat Kampung Pak Mahat di Kuantan, Pahang baru-baru ini. Beliau diiringi Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Perbandaran Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail (berbaju biru).

jelasanya.

Sementara itu, Noh turut memaklumkan Sistem Pencegahan Vandalisme (AVS) akan dipasang secara berperingkat di semua rumah pangsa seluruh negara bermula tahun ini bagi menangani masalah vandalisme.

“Sistem tersebut merangkumi kamera litar tertutup (CCTV) dan kad akses yang dikeluarkan kepada penghuni unit kediaman sahaja bagi memudahkan pemantauan dilaksanakan.

“Sistem AVS ini diharap dapat mengurangkan isu vandalisme yang berlaku di ke-


banyakan rumah pangsa dan memudahkan pihak berkuasa tempatan (PBT) memantau sebarang aktiviti vandalisme termasuk di dalam lif serta tindakan segera boleh dilakukan,” jelasnya.

Tambahnya, turut diperkenalkan melalui sistem tersebut adalah kad akses khusus untuk penghuni unit kediaman bagi tujuan keselamatan.

“Ini bermakna bukan penghuni tidak boleh memasuki kawasan berkenaan atau menggunakan kemudahan lif disediakan melainkan dengan kebenaran,” ujarnya.



Perumahan Rakyat Kampung Pak Mahat



Tangki air yang terletak di atas rumah pangsa di Perumahan Rakyat Kampung Pak Mahat akan dialihkan ke kawasan yang lebih selamat.



Kediaman lebih selesa untuk penghuni

PENGHUNI Perumahan Rakyat Kampung Pak Mahat di Kuantan, Pahang menyuarakan kegembiraan mereka apabila kerajaan mengumumkan kelulusan peruntukan untuk menyelenggara kerosakan di kawasan kediaman tersebut serta pelaksanaan Sistem Pencegahan Vandalisme (AVS).

Rata-rata mereka yang ditemui teruja atas keprihatinan kerajaan melalui Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan menghargai usaha Menteri, Tan Sri Noh bin Haji Omar turun padang sendiri ke PRS Kampung Pak Mahat baru-baru ini untuk melihat keadaan sebenar.

Seorang suri rumah, **Norasitah Atan**, 47, berkata, dia cukup bersyukur kerana bukan sahaja dapat menduduki rumah yang lebih selesa berbanding sebelum ini malah kebajikan turut dijaga.

“Apa yang boleh saya katakan adalah rasa gembira kerana dapat rumah yang selesa, dahulu saya tinggal di rumah seinggalan dengan tandas di luar.

“Rasa mewah sikit di sini sebab tandas pun di dalam rumah lantai bermozek. Ini dengar pula kerajaan hendak naik taraf rumah pangsa ini, itu yang lebih gembira,” katanya.

Sementara itu, seorang penduduk, **M. Saratha**, 42, memberitahu, dia yang baru sebulan menetap di situ gembira kerana mendapat kediaman lebih selesa terutamanya dari segi membantunya menguruskan empat orang kurang upaya (OKU). “Syukur dan terima kasih kepada pihak terlibat apabila saya dapat tinggal di sini dengan kadar sewa sebanyak RM125 sebulan.

“Sedih jika mahu mengenang kembali kehidupan sebelum ini, keadaan rumah yang tidak selesa dan sering berpindah,” jelasnya.

Bagi ibu yang mempunyai tiga anak, **Fazlina Yusof**, 38, rumah sewa sebelum ini disifatkan terlalu mahal jika dibandingkan dengan kemudahan yang disediakan.

“Kehidupan di sini lebih sempurna dan anak-anak cukup selesa berbanding di rumah yang disewa sebelum ini,” katanya.



Tan Sri Noh bin Haji Omar beramah mesra dengan kanak-kanak tadika ketika mengadakan lawatan kerja ke Perumahan Rakyat Kampung Pak Mahat di Kuantan, Pahang, baru-baru ini.



NORASITAH ATAN



M. SARATHA



FAZLINA YUSOF



Perumahan Rakyat Pak Mahat mempunyai dua blok bangunan kediaman yang menempatkan sebanyak 2,945 penduduk.

Jawatankuasa khas siasat penipuan skim perumahan mampu milik

KEMENTERIAN Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menubuhkan sebuah jawatankuasa khas bagi meniasat kes penipuan oleh syarikat yang didakwa terbit dalam skim perumahan mampu milik tidak sah di seluruh negara.

Menterinya, Tan Sri Noh bin Haji Omar berkata, penubuhan jawatankuasa itu yang berkuat kuasa pada 26 September lalu akan dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara, K. Jayaseelan.

Menurut beliau, jawatankuasa tersebut ditubuhkan secara Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang mana selain



MENTERI Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Tan Sri Noh Omar (dua dari kanan) bersama Adun Kota Damansara, Datuk Halimatun Saadiah Bohan (kanan) melihat keadaan bangunan rumah pangsa Subang Perdana yang akan dinaik taraf dengan dana yang telah diperuntukkan selepas mengadakan sidang media sempena lawatan kerja ke Dun Kota Damansara di Subang Perdana. - Foto Muhammad Sulaiman

Jawatankuasa khas siasat penipuan skim rumah mampu milik

Oleh Ruwaida Md Zain
bhnews@bh.com.my

f Share t Tweet g+ Share

SHAH ALAM: Sebuah jawatankuasa khas ditubuhkan bagi meniasat kes penipuan oleh syarikat yang didakwa terbit dalam skim perumahan mampu milik tidak sah di seluruh negara.

Laporan portal berita BH Online berhubung penubuhan jawatankuasa khas bagi meniasat kes penipuan oleh syarikat yang didakwa terbit dalam skim perumahan mampu milik pada 25 September lalu.

Jabatan Perumahan Negara, ia turut membabitkan beberapa agensi berkaitan termasuk polis serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KP-DNKK).

"Jawatankuasa ini ditubuhkan kerana saya telah mendapat banyak maklumat dan aduan daripada pembeli yang mendakwa mereka telah ditipu oleh beberapa syarikat, apabila tidak mendapat rumah walaupun bayaran rumah tersebut telah dilunaskan selain syarikat terbabit didapati tidak tertakluk di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1996 (Akta 118).

"Jadi, saya minta mana-mana pihak terbabit yang mendakwa ditipu dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang memperjuangkan nasib mereka yang ter-

tipu, tampil memberi maklumat berserta dokumen berkaitan," katanya selepas mengadakan lawatan kerja di Pangsapuri Taman Subang Perdana 3 di Subang Jaya, Selangor baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Noh berkata, pihaknya sedang mengumpul maklumat mengenai syarikat tertentu yang tidak berdaftar serta mendapat kelulusan daripada pihak Kementerian yang dikesan mengambil kesempatan menipu pengguna.

"KPKT akan mengambil tindakan terhadap syarikat terbabit apabila maklumat lengkap diperoleh. Kita akan melihat dari dua aspek, iaitu undang-undang jenayah atau sivil kerana dari segi jenayah pembeli mungkin tidak akan dapat ganti rugi.

"Jadi kerajaan akan lihat bagaimana boleh membantu mangsa yang ditipu dan tindakan yang boleh diambil terhadap syarikat terbabit. Setakat ini ada dua syarikat dikenal pasti terbabit dalam skim itu," katanya.

Beliau menegaskan, pihaknya memandang serius perkara tersebut kerana tidak mahu usaha kerajaan membina sejuta unit rumah mampu milik di seluruh negara menjelang 2018 diambil kesempatan oleh pihak lain.

"Kita galakkan mana-mana syarikat swasta yang ingin bantu kerajaan untuk menyediakan rumah mampu milik tetapi syarikat ini perlu mematuhi undang-undang dan syarat yang telah ditetapkan," katanya.

Dalam pada itu, Noh turut menasihatkan orang ramai atau pembeli yang berhadapan dengan masalah yang sama supaya tampil membuat aduan kepada KPKT.

Aduan penduduk Kota Damansara diambil tindakan

MASALAH kerosakan bumbung dan lif yang dialami penduduk di tiga pangsapuri kos rendah dan sederhana sekitar Kota Damansara, Selangor akan diselesaikan menerusi peruntukan RM8 juta yang diluluskan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk melaksanakan kerja-kerja membaiki pulih.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh bin Haji Omar berkata, peruntukan tersebut diluluskan berdasarkan kerosakan seperti yang dilaporkan oleh penduduk di Rumah Pangsa Subang Perdana 3, Rumah Pangsa Kos Rendah Taman Subang Perdana dan Pangsapuri Utarid Subang.

"Kita sedia maklum di rumah pangsapuri apabila bumbung ditiup angin ribut dan mengalami kerosakan, yang menjadi mangsa biasanya penghuni di tingkat paling atas, malah permohonan penduduk kebanyakannya adalah untuk membaiki bumbung.

"Jadi, saya telah meluluskan peruntukan sebanyak RM8 juta, semuanya adalah untuk membaiki bumbung, lif dan mengecat semula bangunan pang-



Penduduk merakamkan gambar bersama Tan Sri Noh bin Haji Omar yang prihatin dengan masalah dihadapi mereka.

sapuri," katanya selepas mengadakan lawatan kerja di Pangsapuri Seksyen U3, Subang Perdana baru-baru ini.

Dalam pada itu, Noh yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor menyifatkan Skim Ceria yang

diperkenalkan kerajaan negeri Selangor hanya membebaskan rakyat.

"Bagi kami kerajaan Barisan Nasional (BN), kita tolong terus, bagi 100 peratus tanpa susahkan rakyat. Contohnya, kerajaan negeri ada Skim Ceria tetapi dah tak jadi ceria kerana menyusahkan rakyat. Kalau hendak buat rumah pangsa atau sebarang pembangunan kena pula minta duit dengan badan pengurusan bersama (JMB).

"Contohnya, JMB lulus 10 peratus, kalau luluskan RM8 juta, kerajaan negeri beri RM800,000 atau RM1.6 juta, diambil daripada rakyat. Adakah ini adil kerana rakyat bayar pelbagai cukai kemudian apabila nak buat penyelenggaraan pun suruh rakyat keluarkan duit?" katanya.

Tambahnya, kerajaan BN terbukti sentiasa prihatin dalam usaha memastikan rakyat berpendapatan rendah dapat menikmati kehidupan yang selesa dan sejahtera.

"Insya-Allah, kerajaan akan memberi tumpuan untuk membantu lebih banyak lagi kawasan perumahan kos rendah dan golongan B40, bukan sahaja di Kota Damansara, tetapi juga di kawasan lain," katanya.

Pangsapuri Seksyen U3 yang kelihatan usang dan kusam bakal bertukar wajah setelah kerja-kerja membaiki pulih dilaksanakan menerusi peruntukan yang disalurkan KPKT.



Tan Sri Noh bin Haji Omar (tengah) bersama ADUN Kota Damansara, Datuk Halimaton Saadiah Bohan (dua dari kanan) ketika mengadakan lawatan kerja di Pangsapuri Seksyen U3, Subang Perdana, Selangor baru-baru ini.



RM300,000 baik pulih sistem cegah kebakaran

SEBANYAK RM300,000 diperuntukkan kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) bagi membaik pulih kesemua sistem dan alat pencegah kebakaran di beberapa pangsapuri kos rendah dan sederhana di kawasan Lembah Jaya, Selangor yang didapati mengalami kerosakan sekali gus mengundang risiko kebakaran.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh bin Haji Omar berkata, menerusi tinjauan JBPM, kerosakan yang terdapat pada beberapa alat pencegah kebakaran dilihat agak serius dan memerlukan penyelenggaraan segera.

"JBPM memaklumkan bahawa sistem panel kebakaran di beberapa pangsapuri perlu diselenggarakan sebab ia sudah rosak, alat pengesan asap pun rosak, alat untuk memecah kaca juga rosak dan gegelung hos pun hilang, kalau berlaku apa-apa kebakaran macam mana?"

"Jadi, sistem pencegahan kebakaran di kawasan pangsapuri akan diberikan keutamaan dengan peruntukan sebanyak RM300,000. Ini sangat penting, jangan bila dah berlaku, dah terlambat baru nak sedar. Diharap orang ramai jagalah keselamatan bersama," katanya semasa mengadakan program turun padang di Pangsapuri Taman Industri Lembah Jaya, Ampang, Selangor baru-baru ini.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar) Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Zamri bin Salleh; Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar dan Pembangunan) KPKT, Dr. Mary Wong Lai Lin dan Ketua UMNO Bahagian Ampang, Dato' Ismail bin Kijo.

Noh turut mengumumkan kelulusan peruntukan sebanyak RM10.3 juta bagi membaik pulih lif, tangki air dan mengecat semula bangunan yang meliputi 22 buah pangsapuri di kawasan Lembah Jaya.

Pangsapuri Taman Industri Lembah Jaya menerima peruntukan sebanyak RM1.5 juta untuk kerja-kerja menaik taraf lif, membaiki tangki air dan menyelenggara peralatan mencegah kebakaran.

Beliau menambah, melalui peruntukan dan bantuan yang disalurkan selama ini, diharapkan rakyat dapat memilih kerajaan negeri yang lebih baik pada masa akan datang.

"Jika rakyat mahu jalan dan lif dibetulkan atau mahu cat semula rumah, insya-Allah kerajaan Persekutuan akan tolong.

"Sebab itu rakyat kena pilih kerajaan yang betul-betul boleh tolong rakyat, pemimpin yang turun padang dan melihat masalah rakyat, inilah yang perlu rakyat pilih," katanya.



Aspek keselamatan kebakaran di pangsapuri kos rendah dan sederhana di sekitar kawasan Lembah Jaya diberi keutamaan oleh KPKT.



Kerosakan lif di Pangsapuri Taman Industri Lembah Jaya merupakan antara masalah yang diberi perhatian oleh Tan Sri Noh bin Haji Omar.



Tan Sri Noh bin Haji Omar dan Dato' Ismail bin Kijo (tiga dari kiri) mendengar pandangan yang disuarakan penduduk ketika mengadakan program turun padang di Pangsapuri Taman Industri Lembah Jaya, Ampang, Selangor baru-baru ini.

BICARA MENTERI

Keceriaan rakyat bandar sentiasa diutamakan

DALAM siri jelajah ke beberapa lokasi di seluruh negara baru-baru ini, saya dapat menyelami dan mendengar sendiri keluh-kesah rakyat bandar khususnya mereka yang mendiami perumahan berstrata kos rendah dan sederhana. Masalah lif yang sering tidak berfungsi, bumbung rosak dan isu keselamatan sering disuarakan oleh penduduk kepada saya.

Mereka tidak perlu menunggu lama untuk mengetahui status permohonan peruntukan daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Saya terus memberikan kelulusan semasa mengadakan program turun padang bagi memastikan masalah yang mereka hadapi diselesaikan secepat mungkin.

Sebagai contoh, saya telah meluluskan peruntukan sebanyak RM5 juta ketika turun padang di Perumahan Rakyat Kampung Pak Mahat di Kuantan, Pahang baru-baru ini. Sebanyak RM2.4 juta daripada peruntukan tersebut akan digunakan untuk mengalihkan tangki air yang terletak di atas bangunan kediaman setinggi sembilan tingkat.

Apa yang saya lakukan adalah selaras dengan hasrat Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak yang mahu jentera pentadbiran kerajaan Barisan Nasional (BN) mengambil tindakan segera bagi memastikan rakyat di seluruh negara termasuk di kawasan bandar menerima pembelaan sewajarnya.

Tidak wujud istilah pilih kasih dalam menyalurkan bantuan dan peruntukan. Walaupun masalah berlaku dalam kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) atau Parlimen yang dikuasai pembangkang, kita tetap memberi pembelaan kepada rakyat yang memerlukan.

Kita mengetepikan faktor perbezaan fahaman politik kerana apa yang lebih penting, rakyat berhak mengecapi nikmat kesan pembangunan yang dilaksanakan kerajaan tanpa mengira parti mana yang mereka sokong. Cuma kita berharap mereka dapat menilai dengan sewajarnya pihak mana yang sentiasa membela mereka.

Kerajaan Persekutuan juga tidak pernah meletakkan syarat tertentu ketika meluluskan peruntukan. Sekiranya kerja-kerja membaiki pulih infrastruktur di sesebuah pangsapuri kos rendah memerlukan kos RM5 juta,

KPKT akan meluluskan keseluruhan jumlah itu.

Namun, berbeza pula dengan Skim Ceria yang diperkenalkan oleh kerajaan negeri Selangor. Rata-rata badan pengurusan bersama (JMB) yang saya temui mengadu tentang syarat deposit minimum 10 peratus daripada kos projek yang perlu dijelaskan kepada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS).

Sukar untuk difahami kewajaran di sebalik syarat yang ditetapkan itu. Katakan projek membaiki pulih infrastruktur dianggarkan menelan kos RM4 juta. Maka, JMB di pangsapuri terbabit perlu menyediakan sekurang-kurangnya RM400,000.

Bagi saya, syarat seperti ini sebenarnya menyusahkan penduduk lebih-lebih lagi mereka yang tinggal di pangsapuri kos rendah dan sederhana. Lazimnya, penduduknya juga berpendapatan rendah dan sederhana. Jadi, dari mana mereka akan memperolehi dana untuk menampung kos deposit Skim Ceria?

Sumber pendapatan JMB pula bergantung kepada yuran penyelenggaraan yang dibayar penduduk setiap bulan. Sudah

tentu JMB di pangsapuri kos rendah dan sederhana akan berada dalam keadaan serba salah untuk menaikkan kadar yuran bulanan semata-mata untuk mengumpulkan dana yang diperlukan bagi membayar deposit Skim Ceria.


Apa yang saya dapat simpulkan, syarat sebegini hanya membuatkan JMB terpaksa berfikir banyak kali sebelum mengemukakan permohonan peruntukan kepada kerajaan negeri Selangor dan LPHS. Lama kelamaan, masalah kerosakan semakin teruk dan kos yang diperlukan untuk membaikinya semakin bertambah. Akibatnya, deposit yang perlu dibayar juga meningkat.

Sebaliknya, KPKT mengambil pendekatan berbeza dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi penduduk di pangsapuri kos rendah dan sederhana. Segala usaha yang kita lakukan selama ini adalah untuk membela rakyat demi memastikan mereka dapat menjalani kehidupan di bandar dalam suasana ceria dan sejahtera.

TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR
Menteri Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

SENYUM SIKIT

Oleh MARO





Dialog TN50 JPP

Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Haji Adnan bin Haji Yaakob serta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh bin Haji Omar dalam Sesi Dialog Transformasi Nasional 2050 (TN50) bersama Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) Negeri Pahang bagi sesi 2017-2019 di Kuantan, Pahang pada 1 Oktober lalu.



Lawat pameran

Tan Sri Noh bin Haji Omar melawat pameran perumahan selepas merasmikan The 20th National Housing and Property Summit 2017 di Sunway Resort Hotel & Spa, Petaling Jaya, Selangor pada 5 Oktober lalu.



Rasmi pameran

Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa diiringi oleh Ketua Setiausaha PKPT, Datuk Haji Mohammad bin Mentek ketika merasmikan gerai pameran Forum Bandar Sedunia ke-9 (WUF9) semasa menghadiri ISWA World Congress 2017 di Baltimore, Amerika Syarikat pada 27 September lalu.



Mengenang jasa

Tan Sri Noh bin Haji Omar meraikan bekas Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar) Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Halimi bin Abd Manaf (empat dari kiri) yang memulakan tugas baharu sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan), Kementerian Pertahanan serta bekas Ketua Pengarah PLANMalaysia, Dato' TPr. Zainuddin bin Ahmad (lima dari kiri) dan Puan Raziah binti Hussin (tiga dari kiri) yang bersara dari perkhidmatan awam dalam Majlis Jasamu Dikenang pada 26 September lalu.



Perasmian balai bomba

Exco Perumahan dan Perbandaran Negeri Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail merasmikan Balai Bomba dan Penyelamat Ringlet di Cameron Highlands, Pahang pada 24 September lalu. Turut hadir, Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM), Datuk Wira Haji Wan Mohd. Nor bin Haji Ibrahim.



Gelombang tani

Program Gelombang Tani Nasional dan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Negeri Selangor 2017 anjuran Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah dirasmikan oleh Tan Sri Noh bin Haji Omar pada 24 September lalu.



Lawatan kerja

Tan Sri Noh bin Haji Omar mengadakan lawatan kerja ke Sekolah Tahfiz Tanjung Karang, Selangor pada 29 September lalu bagi meninjau aspek keselamatan di sekolah berkenaan.



Sukarelawan Hijau

Hasil kempen dan promosi pengasingan mengikut label tong oleh Kuala Lumpur 2017 Green Volunteers sepanjang Sukan Para Asean 2017 yang berlangsung mulai 17 hingga 23 September lalu, sebanyak 19.3 tan sisa pepejal telah dikumpulkan dan 68 peratus daripadanya dirawat melalui kaedah magnetic heat dan composter.



Kunjungan hormat

Datuk Haji Mohammad bin Mentek menerima kunjungan hormat daripada delegasi Filipina di bawah Program ASEAN Integration Learning Caravan yang turut disertai oleh Gabenor Davao del Norte, Anthony G. Del Rosario baru-baru ini.



Tan Sri Noh bin Haji Omar dan Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Adnan bin Yaakob beramah mesra dengan ahli-ahli JPP pada Majlis Penyampaian Watikah Perlantikan JPP Sesi 2017-2019 di Kuantan, Pahang baru-baru ini.

JPP perlu main peranan secara berkesan

JAWATANKUASA Perwakilan Penduduk (JPP) di seluruh negara perlu bersikap lebih fokus dalam memainkan peranan supaya tidak tersasar daripada tiga matlamat asal penubuhannya. Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh bin Haji Omar berkata, matlamat penubuhan JPP adalah bagi menggalakkan penyertaan penduduk dalam program dan pembangunan setempat serta membantu menangani isu kesejahteraan bandar seterusnya meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan.

"Matlamat ketiga JPP pula adalah mewujudkan hubungan yang baik antara masyarakat di kawasan kejiranan setempat.

"Saya harap JPP yang dilantik menggalas amanah yang diberikan dengan

» *Kerajaan bersetuju dengan cadangan pindaan had umur bagi pelantikan JPP daripada 65 kepada 69 tahun. Pindaan had umur ini adalah selaras dengan pelantikan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK).*

penuh tanggungjawab dalam membantu pihak berkuasa tempatan (PBT) menyampaikan perkhidmatan kepada rakyat," katanya ketika berucap pada Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan JPP Sesi 2017-2019 dan Penganugerahan Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) 2016 Negeri Pahang di Kuantan, Pahang baru-baru ini.

Perasmian majlis berkenaan disempurnakan oleh Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Adnan bin Yaakob.

Noh menambah, pelbagai usaha dilakukan kerajaan bagi membantu dan memenuhi keperluan JPP di seluruh negara.

"Kerajaan bersetuju dengan cadangan pindaan had umur bagi pelantikan

JPP daripada 65 kepada 69 tahun. Pindaan had umur ini adalah selaras dengan pelantikan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK).

"Selain itu, kuasa juga diberikan kepada Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk memberi pengecualian khas kepada anggota JPP yang tidak memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)," katanya.

Jelasnya lagi, bagi memantapkan peranan JPP dalam melaksanakan program berkaitan kesejahteraan rakyat dan bandar, jawatankuasa itu perlu dilengkapi dengan keanggotaan seramai 10 orang.

"Justeru, peranan pengerusi setiap JPP adalah penting bagi memastikan keanggotaan JPP masing-masing lengkap sepenuhnya," ujarnya.

Malaysia tuan rumah ISWA 2018

SEBANYAK 3,000 anggota delegasi mewakili 70 negara dijangka menghadiri Persidangan Pengurusan Sisa Pepejal Antarabangsa (ISWA) 2018 di Kuala Lumpur mulai 22 hingga 24 Oktober ini.

Persidangan itu dianjurkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan Persatuan Pengurusan Sisa Pepejal Malaysia (WMAM).

Watikah penganjuran persidangan diterima oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali bin Hamsa daripada Persatuan Pengurusan Sisa Pepejal Amerika Utara (SWANA) dalam satu majlis di Baltimore, Amerika Syarikat

(AS) pada 1 Oktober lalu.

Majlis itu turut dihadiri Duta Besar Malaysia di AS, Tan Sri Dr. Zulhasnan bin Rafique; Ketua Setiausaha KPKT, Datuk Haji Mohammad bin Mentek dan Presiden WMAM, Ho De Leong.

Sementara itu, Ali berkata, kerajaan berbangga dengan pemilihan Malaysia sebagai lokasi persidangan antarabangsa berkenaan.

"Malaysia selama ini dikenali sebagai sebuah negara membangun yang menghadapi cabaran dalam mengimbangi kadar populasi yang meningkat selari dengan keperluan pembangunan sosioekonomi yang bersesuaian," jelasnya.



TAN SRI DR. ALI BIN HAMSA (dua dari kiri) dan Datuk Haji Mohammad bin Mentek (tiga dari kiri) bergambar selepas menerima watikah penganjuran Persidangan ISWA 2018 di Baltimore, AS, baru-baru ini.

Saluran Aduan KPKT


Aduan dalam talian melalui laman web KPKT:
www.kpkt.gov.my

Laman web Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar:
www.nohomar.my

E-mel Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar:
aduanmenteri@kpkt.gov.my

Talian aduan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal (SWCorp): **03-83124040**

Aduan PBT menerusi aplikasi telefon pintar iKepoh:
<http://ikepoh.kpkt.gov.my/>

Facebook **KPKT MALAYSIA**

Instagram **KPKT**

Twitter **@kpkt_gov**

YouTube **KPKT Malaysia**

Portal Talian Indahkan Malaysia (aduan kutipan sampah):
<http://www.aduansisa.my/>

Talian Aduan Kutipan Sampah dan Pembersihan Awam:
1-800-88-7472

Elak jadi mangsa penipuan skim rumah mampu milik

MERUJUK kepada penubuhan jawatankuasa khas bagi menyiasat dakwaan kes penipuan skim perumahan mampu milik pada 26 September 2017.

Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara (JPN), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Jayaselan a/i K. Navaratnam berkata, JPN memandang serius terhadap tawaran pembinaan rumah oleh syarikat-syarikat swasta dengan harga promosi serendah RM40,000 dengan tempoh pembinaan antara enam hingga 12 bulan yang kini tular di media sosial dan elektronik.

"Orang awam dinasihatkan agar memastikan kesahihan skim tawaran oleh syarikat tersebut serta memahami sepenuhnya skim itu terlebih dahulu sebelum membeli rumah idaman mereka. Ini bagi mengelakkan orang awam daripada menjadi mangsa syarikat yang ingin mengambil kesempatan ke atas mereka.

"Malah, model perniagaan yang menawarkan skim pembinaan rumah mampu milik oleh syarikat swasta ini adalah tidak dilesenkan di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1996 (Akta 118) & Peraturan-peraturan kerana syarikat berkenaan adalah bukan pemaju perumahan dan tidak menjalankan aktiviti pemajuan perumahan sepertimana tafsiran di bawah Akta 118," katanya.

Sehubungan itu, tambahnya, JPN telah membuat laporan polis bagi memastikan perkara ini tidak



disalah tafsir oleh orang ramai.

Orang awam disarankan memberi maklumat dan melaporkan kepada Bahagian Penguatkuasaan, JPN sekiranya menemui atau menerima tawaran skim perumahan yang meragukan.

Selain itu, bakal pembeli juga boleh menyemak maklumat pemaju dengan

melayari laman web JPN iaitu <http://ehome.kpkt.gov.my> atau menghubungi Bahagian Penguatkuasaan, JPN di talian: 03-8891 4355 / 03-8891 4356.

ALBUM BULETIN BANDAR



Pasar Siti Khadijah, Kelantan



Taman Medan, Selangor



Temerloh, Pahang



Pasar Tani Nat Pokok Getah Arau, Perlis



Stadium Darul Aman, Kedah



JUMLAH PERUNTUKKAN YANG DILULUSKAN OLEH YBM TAN SRI NOH HAJI OMAR SEPANJANG
LAWATAN TURUN PADANG BULAN SEPTEMBER 2017

RM 33.41 JUTA

DUN TAMAN MEDAN

FLAT TAMAN DESA
PERANGSANG

RM 4.7 JUTA

BAIKI LIF, BUMBUNG,
RAILING, PAGAR

FLAT TAMAN
DATO' HARUN

RM 7 JUTA

TURAP JALAN, BINA
DEWAN TERBUKA,
TANGKI AIR, LONGKANG
DAN BUMBUNG

DUN PELABUHAN KLANG

FLAT TAMAN
TELOK GADONG

RM 1.05 JUTA

TP1M DAN BAIKI SURAU
FLAT TAMAN KEM

RM 5.56 JUTA

TP1M, BAIKI SURAU DAN
FUTSAL BERBUMBUNG

PANGSAPURI
PENDAMAR

RM 3 JUTA

TP1M

DUN DUSUN TUA

FLAT PERKASA
FASA 1

RM 200 RIBU

NAIK TARAF DAN
BAIKI DEWAN

TAMAN KOTA CHERAS

RM 1.7 JUTA

CAT SEMULA, BAIKI
LONGKANG, TURAP
JALAN DAN DATARAN
KEJAT

TAMAN SEGAR
PERDANA

RM 2.2 JUTA

BAIKI LIF, SALURAN AIR,
CAT RUMAH, TEMPAT
KUMPUL SAMPAH

DUN KOTA DAMANSARA

RUMAH PANGSA
SUBANG PERDANA

RM 8 JUTA

NAIK TARAF DAN
BAIKI DEWAN



#TSNOTurunPadang #TSNOAmbilKisah

APA ITU JMB/MC?

JMB - JOINT MANAGEMENT BODY
MC - MANAGEMENT COMMITTEE
terdiri daripada pembeli dan pemaju skim strata



Membuka akaun
penyenggaraan dan
akaun sinking fund

TUJUAN DITUBUHKAN JMB/MC

Sediakan peluang kepada
pembeli menyenggara dan
menguruskan bangunan
serta harta secara bersama

Menyedia dan
menyenggara
daftar pemunya
petak



Mengambil
insurans

Menentukan
kadar
caj dan sinking fund



www.kpkt.gov.my @kpkt_gov
kpkt KPKT Malaysia

ANTARA KEWAJIPAN JMB/MC

JAWATANKUASA PERWAKILAN PENDUDUK (JPP)



APA ITU
JPP?

Ditubuhkan untuk memberi peluang dan
penyertaan penduduk dalam program dan
pembangunan di kawasan bandar



Bantu tangani
isu kesejahteraan
bandar



OBJEKTIF
JPP



Wujudkan hubungan
baik antara masyarakat
di kawasan kejiranan
setempat

<https://jpp.kpkt.gov.my/>

www.kpkt.gov.my @kpkt_gov kpkt KPKT Malaysia

Warga PBT meriahkan Kejohanan Sukan Kerajaan Tempatan

LEBIH 500 warga pihak berkuasa tempatan (PBT) dari seluruh negara menyertai Kejohanan Sukan Kerajaan Tempatan anjuran Persatuan Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia (MALA) dengan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Penguasa-Penguasa Tempatan Semenanjung Malaysia (ANULAE) di beberapa lokasi baru-baru ini.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh bin Haji Omar berkata, antara lokasi tersebut adalah Keningau, Sabah; Shah Alam, Selangor; Teluk Intan, Perak; Kuala Terengganu, Terengganu sebelum acara kemuncak di Kuantan, Pahang pada 1 Oktober lalu.

Menurut beliau, kejohanan itu menyaksikan pertandingan dalam 10 acara termasuk badminton, ping pong, tenis, futsal, bola jaring, karom, boling, dart dan bola sepak.

"Setiap acara menawarkan hadiah sebanyak RM2,000 untuk johan, RM1,500 (naib johan), RM1,000 (ketiga) dan RM500 (keempat)," katanya pada majlis penutup kejohanan tersebut di Kuantan, Pahang baru-baru ini.

Yang turut hadir, Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Adnan bin Yaakob; Presiden ANULAE, Datuk Azih bin Muda dan Presiden MALA, Dato' Maimunah binti Mohd. Shariff.

Noh menambah, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga berhasrat untuk menganjurkan kejohanan tersebut sebagai acara tahunan atau dwitahunan.

Beliau percaya, usaha itu bukan sahaja



Tan Sri Noh bin Haji Omar diiringi Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Diraja Adnan bin Yaakob ketika menyampaikan hadiah johan keseluruhan kepada pasukan Majlis Perbandaran Klang pada Majlis Penutupan Kejohanan Sukan Kerajaan Tempatan di Kuantan, Pahang baru-baru ini.

berupaya menyemarakkan semangat kesukanan malah dapat menghimpunkan warga PBT dari seluruh negara.

"Persahabatan dan persefahaman diharapkan dapat mewujudkan perpaduan sekali gus bersama-sama menangani isu-isu membabitkan kerajaan tempatan," jelasnya.

SENARAI PEMENANG



Badminton

Kementerian Kerajaan Tempatan Sabah



Ping Pong

Majlis Perbandaran Selayang



Tenis

Majlis Bandaraya Petaling Jaya



Futsal

Majlis Perbandaran Muar



Dart

Majlis Bandaraya Ipoh



Bola Jaring

Majlis Bandaraya Petaling Jaya



Boling

Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah



Bola Sepak

Majlis Perbandaran Kuantan

Ekspedisi KESKEP tawan puncak Gunung Kinabalu

SERAMAI 10 ahli Kelab Kebajikan dan Sukan Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KESKEP) yang terdiri daripada lapan wanita dan dua lelaki menyertai Ekspedisi Menawan Puncak Gunung Kinabalu 2017 bermula 4 hingga 7 Oktober 2017.

Program itu yang julung-julung kali dianjurkan oleh KESKEP bertujuan melahirkan warga kerja yang berkeupayaan dan berkebolehan dalam aktiviti sukan lasak.

Selain memupuk semangat kerjasama, program itu juga dianjurkan bagi menyokong dasar sukan negara iaitu membentuk sebuah masyarakat yang sihat serta berdisiplin melalui aktiviti sukan dan rekreasi.

Majlis pelancaran program tersebut telah disempurnakan oleh Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh bin Haji Omar pada 26 September lalu.

Dalam majlis tersebut, Noh turut menyerahkan bendera KESKEP kepada wakil peserta ekspedisi berkenaan, Mohd. Khairul Azmi bin Khairuddin untuk dikibarkan di puncak Gunung Kinabalu.

Sementara itu, majlis pelepasan para peserta ke Kota Kinabalu, Sabah telah disempurnakan oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KPKT, Khairul Dzaimie bin Daud pada 4 Oktober lalu.

Para peserta bergambar dengan Tan Sri Noh bin Haji Omar pada Majlis Pelancaran Ekspedisi Menawan Puncak Gunung Kinabalu 2017.



Tan Sri Noh bin Haji Omar menyerahkan bendera KESKEP kepada wakil peserta ekspedisi, Mohd. Khairul Azmi bin Khairuddin pada Majlis Pelancaran Ekspedisi Menawan Puncak Gunung Kinabalu 2017 baru-baru ini.

Tan Sri Noh bin Haji Omar mengambil berat tentang keadaan persekitaran kurang selesa yang dihadapi penghuni Pangsapuri Taman Puchong Permai ketika mengadakan program turun padang di DUN Serdang, Selangor baru-baru ini. Beliau diiringi Dato. Dr. Mohamad Satim bin Diman (depan, dua dari kanan).



4 pangsapuri terima peruntukan RM7.1 juta

Membela rakyat bandar DUN Serdang

KEMENTERIAN Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) meluluskan peruntukan berjumlah RM7.1 juta bagi membaik pulih pemegang tangga, lif serta mengecat semula empat pangsapuri kos rendah dan sederhana di sekitar kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Serdang.

Menterinya, Tan Sri Noh bin Haji Omar berkata, kelulusan peruntukan tersebut adalah berdasarkan kepada keperluan penduduk di kawasan berkenaan yang tinggal dalam keadaan yang agak padat dan serba kekurangan.

"Kalau dilihat kepada keadaan pangsapuri di sini, pemegang tangga perlu ditukar dengan segera sebab ada kanak-kanak pernah terjatuh, malah bangunan pun perlu dicat baharu kerana sudah berlumut sehingga pokok pun boleh tumbuh di atas pangsapuri."

"Kalau nak ikutkan permohonan daripada penduduk sememangnya cukup banyak, ini memberi gambaran sebenar betapa perlunya mereka menerima pembelaan yang sewajarnya," katanya ketika turun padang melawat empat pangsapuri di kawasan Puchong yang terletak dalam DUN Serdang, Selangor baru-baru ini.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar) KPKT, Zamri bin Salleh dan Ketua UMNO Bahagian Puchong, Dato' Dr. Mohamad Satim bin Diman.

Pangsapuri Taman Puchong Permai Blok A akan menerima peruntukan sebanyak RM4.4 juta bagi membaik pulih pemegang tangga manakala Pangsapuri Taman Puchong Permai Blok F akan

Pangsapuri Taman Puchong Permai bakal menerima peruntukan membaik pulih lif sebanyak RM1.2 juta daripada KPKT.



menerima peruntukan sebanyak RM1.2 juta bagi menyelenggara enam unit lif di pangsapuri tersebut.

Bagi Pangsapuri Taman Puchong Perdana dan Pangsapuri Taman Puchong Indah pula, kedua-dua bangunan kediaman itu akan dicat baharu dengan masing-masing menerima peruntukan sebanyak RM900,000 dan RM600,000.

Sementara itu, Mohamad Satim menghargai keprihatinan KPKT terhadap penduduk yang tinggal di kawasan ban-

dar khususnya di DUN Serdang.

"Setelah beberapa tahun penduduk menghadapi pelbagai masalah, penduduk akhirnya menerima bantuan yang diperlukan selama ini."

"Sebagai wakil penduduk di sini, kami sangat berterima kasih dengan keprihatinan KPKT yang sentiasa menangani masalah-masalah yang dihadapi penduduk di kawasan bandar, terutamanya bagi mereka yang tinggal di kawasan perumahan kos rendah," katanya.



Sistem perparitan yang tidak diselenggara dengan sempurna menyebabkan air longkang melimpah dan menimbulkan bau kurang menyenangkan.



Kerja-kerja mengecat semula akan dilaksanakan bagi menyerikan semula kawasan pangsapuri yang dicemari dengan grafiti.



Siasat skim perumahan tipu

Elakkan jadi mangsa penipuan skim rumah mampu milik **muka 11**

Buletin

Bandar

8 OKTOBER 2017 • 17 MUHARAM 1439

KPKT
salur
peruntukan
lebih
RM7 juta



"KALAU dilihat kepada keadaan pangsapuri di sini, pemegang tangga perlu ditukar dengan segera sebab ada kanak-kanak pernah terjatuh, malah bangunan pun perlu dicat baharu kerana sudah berlumut sehingga pokok pun boleh tumbuh di atas pangsapuri."

TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

muka 15

Peruntukan diluluskan YB Menteri September 2017

muka 12



Ekspedisi KESKEP tawan puncak Gunung Kinabalu

muka 14

